

## **Kerajaan baharu Myanmar diharap selesaikan isu Rohingya Malaysian Insider Dec 1, 2015**

Kerajaan baharu Myanmar pimpinan Aung San Suu Kyi yang bakal dibentuk diharap dapat mengambil langkah perlu dan berkesan untuk menyelesaikan isu yang membelenggu etnik Rohingya di negara itu, kata Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Tan Sri Mohd Ali Rustam.

Ahli Dewan Negara itu berkata kerajaan baharu itu juga diharap lebih bersifat terbuka, demokrasi dan mengiktiraf etnik Rohingya bagi membolehkan mereka dapat hidup seperti rakyat biasa di Myanmar.

Katanya masalah seperti pengiktirafan sebagai rakyat, jaminan perlindungan keselamatan dan paling penting hak asasi manusia perlu diselesaikan segera supaya etnik itu tidak menjadi "pelarian" di negara mereka sendiri.

"Pendirian ini selaras dengan resolusi Konvensyen DMDI Ke-16 di Jakarta (Indonesia) pada Oktober lepas yang mahukan Myanmar mengambil tanggungjawab ke atas etnik Rohingya.

"Diharapkan agar parti NLD (National League for Democracy) di bawah kepimpinan Suu Kyi dapat mengiktiraf Rohingya sebagai sebahagian daripada rakyatnya dan jangan membiarkan mereka sebagai pelarian," katanya kepada Bernama menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) di Melaka.

Pada November lepas NLD pimpinan Suu Kyi memenangi pilihan raya Myanmar dan pada masa ini parti itu sedang mengadakan rundingan dengan kerajaan Myanmar sekarang untuk peralihan kuasa bagi membentuk kerajaan baharu.

Ali berkata DMDI mengucapkan tahniah atas kemenangan NLD pada pilihan raya itu dan berharap peralihan kuasa serta pembentukan kerajaan baharu itu berjalan lancar mengikut lunas-lunas demokrasi. – Bernama, 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kerajaan-baharu-myanmar-diharap-selesaikan-isu-rohingya>